

14 Oktober 2020

SIARAN MEDIA

oleh DR ANG MING CHEE

Pengurus Besar, George Town World Heritage Incorporated

GTWHI Membuka Pendaftaran Fasa Dua Projek Normal Baharu di George Town untuk Memperkasakan Komuniti Tempatan

1. Pendaftaran Fasa Dua bagi projek Normal Baharu di George Town anjuran George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) akan dibuka pada 15 Oktober 2020.
2. Projek dengan peruntukan sejumlah RM1 juta daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertujuan untuk menjana semula dan membantu peralihan sektor warisan budaya Pulau Pinang bagi menghadapi normal baharu.
3. Sejumlah 299 permohonan telah diterima melalui Fasa Satu projek yang telah dilaksanakan dari 8 Julai 2020 hingga 31 Ogos 2020.
4. Projek “Normal Baharu di George Town” mempunyai tiga (3) komponen seperti berikut:
 - a. **Sokong Perniagaan Tempatan**
 - Memberi bantuan melalui promosi pemasaran digital bagi perniagaan tempatan untuk disuaikan dengan normal baharu.
 - Keutamaan diberikan kepada perniagaan yang telah beroperasi melebihi 10 tahun.
 - Kira-kira 3,000 perniagaan di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan 5,000 perniagaan yang merupakan sebahagian daripada rangkaian ekosistem budaya dan kewangan bagi Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town boleh mengambil bahagian dalam projek ini.
 - GTWHI berharap dapat membimbing dan membantu perniagaan tempatan untuk menerokai peluang perniagaan dan pelanggan baru melalui dunia digital.
 - b. **Pembaikan Bangunan Warisan**
 - Bantuan kewangan secara bayaran balik dengan maksimum sebanyak RM1,500 secara “one-off” untuk pemilik atau penyewa bangunan warisan (Kategori I dan Kategori II seperti yang telah diwartakan di dalam Rancangan Kawasan Khas George Town) yang berkelayakan di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kecil pada bangunan warisan mereka.
 - Kerja pembaikan ini termasuk menaik taraf pendawaian elektrik, mengecat semula dinding dalaman dan luaran bangunan, membuang tumbuh-tumbuhan pada fasad, merawat masalah anai-anai atau kerja-kerja lain dengan mematuhi peraturan dan undang-undang warisan seperti yang dinyatakan di dalam Rancangan Kawasan Khas George Town.
 - Permohonan perlu dikemukakan sebelum kerja di tapak bermula.
 - Kami amat berharap dengan bantuan pembaikan kecil ini akan memberi harapan baru kepada pemilik atau penyewa bangunan warisan dalam berhadapan dengan normal baharu.

c. Video Warisan

- Pengamal warisan budaya yang berada di Pulau Pinang dan bergantung kepada kemahiran, pengetahuan atau perkhidmatan sebagai sumber pendapatan utama adalah digalakkan untuk menyertai projek ini.
 - Keutamaan akan diberikan kepada individu atau perniagaan yang masih belum mempunyai strategi pemasaran digital.
 - Pemohon perlu mencadangkan video yang berdurasi 5 minit hingga 20 minit bagi berkongsi kemahiran, pengetahuan atau proses penghasilan kraf.
 - GTWHI akan membimbing pemohon yang disenarai pendek dengan kaedah rakaman video dan cara perkongsian platform digital.
 - Rakaman video dan maklumat perniagaan akan dipromosikan ke dalam laman sesawang dan saluran media sosial GTWHI.
 - Pemohon yang berjaya melengkapkan projek ini akan mendapat insentif sebanyak RM1,500.
 - Mampu memperkasakan pengamal warisan budaya bagi memperluaskan pasaran perniagaan mereka ke dunia digital.
5. Ketiga-tiga projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada:
- a. 3,000 perniagaan di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.
 - b. 5,000 perniagaan yang merupakan sebahagian daripada rangkaian ekosistem budaya dan kewangan bagi Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.
 - c. 267 pemilik atau penyewa bangunan warisan di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.
 - d. 267 pengamal warisan budaya dalam Pulau Pinang.
6. GTWHI ingin menjemput pemohon yang layak dan berminat untuk mendaftar dengan menghubungi talian hotline GTWHI 04-261 6606 dari jam 10 pagi hingga 4 petang, Isnin hingga Jumaat. Staf kami yang bertutur dalam bahasa vernakular (dialek tempatan) akan membantu pemohon untuk melengkapkan borang permohonan mereka.
7. GTWHI mengalu-alukan pemohon yang berkecenderungan dan berminat untuk mendaftar secara dalam talian:
- a. [Borang Permohonan \(Bahasa Melayu\)](http://bit.ly/2ABH3jC) (bit.ly/2ABH3jC)
 - b. [Borang Permohonan \(Bahasa Cina\)](http://bit.ly/3f6yCf5) (bit.ly/3f6yCf5)
 - c. [Borang Permohonan \(Bahasa Inggeris\)](http://bit.ly/3iqhu5Z) (bit.ly/3iqhu5Z)
8. Pendaftaran Fasa Dua dibuka dari 15 Oktober 2020 sehingga 30 November 2020.
9. Untuk maklumat lanjut, sila lawati <http://gtwhi.com.my/george-town-new-normal/> atau emel ke info@gtwhi.com.my.

Untuk perhubungan media, sila hubungi:

Josephine Jalleh
Pengurus Bahagian Komunikasi dan Kolaborasi
George Town World Heritage Incorporated
017-446 5366, josephine@gtwhi.com.my
www.gtwhi.com.my